

# **PANDUAN MENGURUSKAN SURATKUASA MENTADBIR DAN PERINTAH PEMBAHAGIAN AKTA HARTA PUSAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) 1955**

Pemohon/waris dinasihatkan membaca dengan teliti panduan menguruskan Suratkuasa Mentadbir (Borang F) dan Perintah Pembahagian (Borang E dan Borang T) yang dikeluarkan sebelum mengemukakan dokumen tersebut ke jabatan/agensi yang berkenaan untuk urusan selanjutnya

## **1. HARTA TAK ALIH**

### **1.1 JIKA TELAH ADA HAKMILIK/GERAN**

- HS(D)/GRN/PN - Kemukakan Suratkuasa Mentadbir/Perintah Pembahagian bersama-sama dengan hakmilik asal, resit bayaran cukai tanah tahun semasa ke Bahagian Pendaftaran Pejabat Tanah dan Galian Negeri (PTG) berkenaan
- HSM/GM/PM - Kemukakan Suratkuasa Mentadbir/Perintah Pembahagian bersama-sama dengan hakmilik asal, resit bayaran cukai tanah tahun semasa ke Bahagian Pendaftaran Pejabat Tanah dan Daerah berkenaan

1.2 Jika tanah tersebut di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 dan belum mempunyai hakmilik, pemohon/waris hendaklah berurusan dengan agensi berkenaan sama ada FELDA/FELCRA/RISDA/BHG RANCANGAN TANAH PINGGIR/BHG RANCANGAN TANAH NEGERI

1.3. Pemohon/waris perlu berhubung dengan Pemaju Projek Perumahan yang berkenaan jika harta tak alih yang dtuntut belum didaftarkan nama simati sebagai tuannya (simati adalah merupakan pihak yang berkepentingan melalui suatu perjanjian yang sedang berkuatkuasa atau sebagainya).

1.4 Sila berurusan terus dengan Pihak Pemegang Gadaian seperti bank atau institusi kewangan yang berkenaan jika hakmilik simati berada dalam simpanan mereka dan masih terdapat gadaian.

1.5 Jika si mati adalah salah seorang waris atau penerima harta pusaka yang sedang dibahagikan melalui perintah dari Mahkamah Tinggi, maka Pentadbir yang dilantik bagi harta pusaka si mati hendaklah melaksanakan urusan penerimaan pindahmilik atas bahagian simati sebagaimana perintah Mahkamah Tinggi berkenaan.

1.6 Bagi bangunan kekal yang terletak di dalam kawasan penyelenggaraan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), urusan penukaran nama pembayar cukai pintu adalah di bawah tanggungjawab Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah yang berkenaan

## **2. HARTA ALIH**

Sekiranya simati ada meninggalkan harta alih seperti Wang Simpanan, Saham, Insurans dan Kenderaan sila kemukakan Suratkuasa Mentadbir/Perintah Pembahagian terus ke agensi atau institusi yang berkenaan untuk urusan pengeluaran atau pertukaran nama simati.

**3. SILA SEMAK BUTIRAN PADA SURATKUASA/PERINTAH PEMBAHAGIAN YANG DITERIMA DAN SEKIRANYA TERDAPAT SEBARANG KESILAPAN, SILA BERHUBUNG SEGERA DENGAN UNIT PEMBAHAGIAN PUSAKA YANG MENGELUARKAN SURATKUASA/PERINTAH PEMBAHAGIAN TERSEBUT SEBELUM DISERAHKAN KEPADA JABATAN/AGENSI YANG BERKENAAN.**

**4. TUAN/PUAN DIGALAKKAN UNTUK MENYIMPAN SATU SET SALINAN PERINTAH PEMBAHAGIAN YANG TELAH DITERIMA SEBAGAI RUJUKAN PADA MASA HADAPAN.**